



# **KENYATAAN MEDIA**

## **MENTERI PERPADUAN NEGARA**

### **KEWUJUDAN SEKOLAH VERNAKULAR TIDAK BOLEH LAGI DIANGGAP SEBAGAI PEMBUKA RUANG PEMISAH ANTARA ETNIK**

Saya mohon agar semua pihak **menghentikan serta merta polemik berhubung kewujudan sekolah vernakular** di negara ini. **Jika polemik ini berterusan, ia akan mengganggu gugat semangat perpaduan dan muhibah yang terbina dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, ras, etnik dan agama.**

Pada November 2023, Mahkamah Rayuan juga telah memutuskan bahawa kewujudan dan penubuhan sekolah vernakular dan penggunaan bahasa Mandarin serta bahasa Tamil di sekolah berkenaan adalah berperlembagaan. **Sebarang usaha memansuhkan kewujudannya adalah tidak wajar, malah ia adalah bertentangan dengan keputusan mahkamah yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara iaitu Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang.**

Saya juga **menyokong penuh pendirian Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek yang telah menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus mempertahankan sistem pendidikan vernakular** kerana ia selaras dengan Seksyen 28 (penubuhan Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan), Akta Pendidikan 1996.

Selain itu, saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa **sekolah vernakular bukanlah satu faktor yang menjurus ke arah perpecahan, sebaliknya ia menjadi tarikan ke arah perpaduan. Data enrolmen pelajar bukan Cina di SJKC dan pelajar bukan India di SJKT turut menunjukkan peningkatan berterusan sejak tahun 2018 sehingga 2023.** Ini menunjukkan bahawa perpaduan rakyat mampu dibina dimana sahaja jika ada kesungguhan oleh semua pihak.

Kementerian telah melaksanakan Wacana Defisit Sosial dengan menampilkan pakar-pakar bidang pada tahun lepas. Hasil dapatan tersebut menunjukkan **kewujudan sekolah vernakular tidak boleh lagi dianggap sebagai pembuka ruang pemisah antara etnik.** Sebaliknya, ia perlu turut menjadi medan mengurus kerukunan sosial sama seperti peranan sekolah kebangsaan.

Mengurus kerukunan sosial ini bergantung kepada empat (4) perkara, iaitu:

- i) **penyesuaian (*adaptability*)**,
- ii) **matlamat (*goal*)**,
- iii) **integrasi (*integration*)**, dan
- iv) **terpendam (*latency*)**.

Justeru, sektor pendidikan vernakular perlu mampu menguruskan keempat-empat perkara ini bagi mewujudkan kerukunan sosial (*social order*) di sekolah mereka.

Untuk makluman, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menubuhkan **Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Rukun Negara** melibatkan KPN, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Komunikasi yang bertujuan meletakkan kembali penghayatan asas dan prinsip Rukun Negara dalam sistem pendidikan negara.

Sehingga kini, **Kementerian dengan kerjasama KPM dan KPT telah menubuhkan sebanyak 6,849 Kelab Rukun Negara (KRN) dan 189 Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di seluruh negara bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan generasi muda yang mampu menjadi pemangkin kepada perpaduan negara.

Maka tahun ini, Kementerian menerusi agensi akan melipatgandakan usaha untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat supaya ia menjadi amalan hidup seharian. Antara inisiatif atau program yang akan dilaksanakan pada tahun ini adalah:

- **Eksplorasi Rukun Negara**
- **Program Raja Kita**
- **Raja Kita, Payung Kita**
- **Pameran Arkib Diraja: Simbol Perpaduan Negara**
- **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara**
- **Pemberian Geran RM 3000 kepada semua SRN di IPT**
- **Simposium Pendidikan Rukun Negara Pra Sekolah**
- **Kem Anak Malaysia**

Besar harapan saya agar rakyat Malaysia dapat menghayati, mengamalkan dan menjadikan kesemua cita-cita Rukun Negara sebagai pedoman hidup sebagai satu Bangsa Malaysia.

**YB DATUK AARON AGO DAGANG**  
**MENTERI PERPADUAN NEGARA**  
**11 MAC 2024**